Sakit mata merebak di Terengganu

KUALA TERENGGANU, Sabtu — Jabatan Perkhidmatan Perubatan dan Kesihatan Terengganu mendapati penyakit mata sedang merebak di seluruh negeri ini sekarang.

Serentak dengan itu, orang ramai dinasihatkan supaya berjaga-jaga dan waspada kerana penyakit itu dianggap mudah berjangkit.

Timbalan Pengarah Perubatan Terengganu, Dr. Haji Wan Mahmood Osman, berkata jumlah kes pengidap penyakit itu di Terengganu semakin meningkat sekarang.

Mengikut laporan bulan Oktober lalu, lebih 500 orang di seluruh negeri ini mengidap penyakit tersebut.

Beliau bimbang angka tersebut akan meningkat lagi dalam bulan berikutnya sekiranya orang ramai tidak mengambil langkah tertentu bagi mengatasinya.

Orang ramai dinasihatkan terutamanya jika ada keluarga mereka yang mengidap penyakit mata supaya mengan menghampirinya kerana penyakit itu mudah berjangkit.

Langkah-langkah lain yang perlu diawasi ialah jangan menggunakan tuala secara berkongsi dengan pesakit mata.

■ Dr Haji Wan Mahmood Osman

Orang yang mengidap sakit mata pula dinasihatkan supaya jangan menghampiri tempat-tempat orang ramai seperti di pasar, pawagam, majlis keramaian dan sebagainya untuk mengelak jangkitan.

Sementara di dalam rumah pula, pesakit itu hendaklah mengasingkan diri supaya tidak menjangkiti ahli keluarga di dalam rumah tersebut.

Tanda-tanda penyakit 'virus' menyerang seseorang itu ialah terasa perit-perit, pedih dan terasa sakit tekak serta demam.

Jabatan perubatan dan kesihatan menasihatkan orang ramai yang mengalami keadaan serupa itu supaya segera menemui doktor bagi mendapatkan rawatan.

Dr. Haji Wan Mahmood berharap orang ramai dan pesakit mata supaya memberikan kerjasama kepada jabatan perubatan bagi mencegah wabak tersebut dari merebak.

Menurut beliau, pihak perubatan tidak mempunyai cara lain bagi mengatasi penyakit mata selain dari menasihatkan orang ramai supaya berjaga-jaga dan berwaspada.

Beliau menasifatkan penyakit mata sebagai salah satu wabak yang paling serius di Terengganu tahun ini.

Dalam tempoh 10 bulan pertama tahun ini, 3,424 orang pesakit mata telah dikesan di seluruh Terengganu — satu angka yang sangat membimbangkan.

Kobena untung $13 juta tahun ini

KUALA LUMPUR, Sabtu — Kumpulan Kobena berjaya mencatatkan keuntungan sebelum cukai $13 juta tahun ini, kata Pengarah Urusannya, Encik Wahiduddin Wahab.

Beliau berkata, keuntungan sebelum cukai yang belum diaudit sehingga Oktober lalu ialah $11,847,810.

Keuntungan terbesar bagi kumpulan itu tahun ini diperolehi dari perniagaan motor yang mengimport dan mengedar kenderaan jenis Suzuki, katasnya.

Menurut beliau, projek-projek pembinaan terbesar yang dikendalikan oleh Kobena ialah projek binaan kampus induk Universiti Teknologi Malaysia di Tampoi, Johor, manakala bidang perumahan dan insurans juga menambahkan lagi keuntungan kumpulan Kobena.

Keuntungan itu, katanya,akan diperolehi dari bahagian-bahagian serta anak-anak syarikat kumpulan Kobena termasuk sewaan dari gudang-gudang di Pelabuhan Kelang yang dijangka siap tahun ini, projek kuari, membuat batu-bata dan beberapa projek perumahan yang akan dilaksanakan tahun ini.

Dalam kenyataan Encik Wahiduddin mengumumkan, Kobena melancarkan skim simpanan tetap pada bulan September dengan tidak menerima apa-apa saham dari koperatif-koperatif lain dan jumlah simpanan yang berjaya diperolehi adalah sebanyak $6 juta.

PM terharu terima sambutan

● DARI MUKA 1

lis turut bersalaman dan berpeluk dengan Perdana Menteri yang terpaksa dikawal rapi dari kemerumuni oleh orang ramai yang berpusu-pusu.

Inilah perhimpunan yang terbesar dan berserjarah pernah diberikan kepada seorang Perdana Menteri yang melawat negeri ini.

Lebih 1,000 orang membawa potret Datuk Seri Dr. Mahathir yang bertulis 'Implanmu Harapan Kami'.

Selain itu terdapat juga yang bertulis 'Masa Depan Kami Di Tanganmu', 'Kami Menyokong Pimpinan Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad,' dan 'Kami Berdiri Teguh Di Belakang Pucuk Pimpinan'.

Sebuah sepanduk besar yang dipasang oleh Umno Negeri Kedah berbunyi: 'Che Det, Tiada Ganti Bagimu' terpacak megah mengalu-alukan ketibaan Perdana Menteri.

Beratus-ratus bas, teksi dan lori disewa khas membawa orang ramai dari segenap pelusuk negeri Kedah dan Perlis mengalu-alukan kedatangan Datuk Seri Dr Mahathir dan rombongan.

Antara ribuan penyokong itu termasuk 5,000 pemimpin dan ahli Umno Perlis yang diketuai oleh Menteri Besar Datuk Haji Ali Ahmad.

Enam belas bas dan 100 teksi termasuk 40 dari Kuala Perlis disewa khas untuk membawa penyokong-penyokong Perlis ke lapangan terbang.

Harapan

Jurucakap rombongan itu berkata semua ahli exco negeri, ahli Dewan Undangan Negeri, ahli-ahli Parlimen dan ahli Dewan Negara negeri itu hadir di perhimpunan tersebut.

Ketua Pemuda Umno Kedah Encik Zakaria Said mengetuai rombongan 10,000 Pemuda Umno negeri di perhimpunan itu yang juga disertai oleh pemimpin-pemimpin Wanita Umno Kedah.

Pemimpin-pemimpin parti komponen Barisan Nasional lain — MCA, MIC dan Gerakan turut berada di lapangan terbang mengalu-alukan lawatan dua hari Datuk Seri Dr Mahathir ke Kedah.

Menteri Pembangunan Negara dan Luar Bandar Datuk Haji Sanusi Junid, Menteri Kebudayaan Belia dan Sukan Encik Anwar Ibrahim, Timbalan Menteri Luar Encik Abdul Kadir Sheikh Fadzir, dan Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri Encik Radzi Tan Sri Sheikh Ahmad adalah di antara menteri-menteri kabinet yang hadir di perhimpunan itu.

Datuk Seri Dr Mahathir telah berucap dari tangga bergerak kiraira setengah jam kepada orang ramai yang memberi tepukan serta laungan: 'Hidup Mahathir, hidup Mahathir dan kami mahu Mahathir' setiap kali beliau berhenti berucap.

Datuk Seri Dr Mahathir kelihatan terharu, tetapi gembira sambil melambai-lambai orang ramai sebelum dan sesudah berucap dari tangga bergerak itu.

Percay diri: Usaha Kerajaa bimbing rakyat

BAGAN DATUH, Sab Menteri Penerangan, I Adib Adam menega usaha untuk mengemba keyakinan dan keperca kepada diri sendiri di langan rakyat kini me tumpuan utama Keraja

Beliau berkata, me pendedahan dan ke pembaharuan yang dila nakan sekarang, dihara akan dapat mengubah kiran rakyat supaya me boleh bersedia menghad perubahan.

Bercuap merasmikan sus sivik di Kampung T Imam Tastir, dekat sini, lau berkata, kesedian yat menerima peruba dan pembangunan ialah tor penting ke arah pe pelan Dasar Ekonomi B yang bertujuan membas kan kemiskinan, sé rakat.

Menurutnya, tanpa po bahan itu, setiap usaha K jaan melaksanakan pe bangunan kepada rak tidak akan berkesan.

Beliau berkata, Keraja terus berazam bagi me ruskan hasrat peming lalu untuk memajukan pe bangunan kerana kekuat negara tidak semata-ma bergantung kepada keku tan politik.

Datuk Adib berkata Jab tan Penerangan sedang b rusha meningkatkan la penyataan pemikiran raky dengan pembaharuan da pemikiran Kerajaan.

Aerobus akan dibentang dalam sidang Kabinet

KUALA LUMPUR, Sabtu — Cadangan membina Sistem Transit Laju Ringan (LRT) berharga $521 juta yang dijangka menjadi pengangkutan utama bagi penduduk ibu negara akan dibentangkan dalam Mesyuarat Jemaah Menteri, awal bulan depan.

Sistem pengangkutan aerobus juga akan dibentangkan bersama sistem LRT bagi membolehkan kajian meneliti kesesuaiannya sebelum digunakan.

Menteri Wilayah Persekutuan, Datuk Shahrir Samad berkata, kemungkinan pertama ialah kedua-dua sistem ini diterima seperti yang dicadangkan atau kerajaan tersebut memilih satu sahaja.

Kemungkinan lain ialah kerajaan terpaksa menolak cadangan-cadangan itu kerana kekurangan wang dan kemelesetan ekonomi sekarang, " kata beliau kepada pemberita di pejabatnya, di sini.

Jika cadangan ini diluluskan, tegasnya, rangkaian pertama bagi perjalanan dari Sentul ke Petaling Jaya dan seterusnya akan meliputi laluan 52.2 kilometer, akan dimulakan tahun depan.

Rangkaian-rangkaian perjalanan yang telah ditetapkan ialah dari Sentul ke Kepong, dari Kuala Lumpur ke Taman Bunga Raya, dari Kuala Lumpur ke Jalan South dan dari Salak South ke Sungai Besi.

"Sistem baru ini juga mampu untuk mengangkut 10,000 penumpang setiap satu jam dengan kadar tambang antara 80 sen dan $1.20 sen bagi satu perjalanan," katanya lagi.

Datuk Shahrir berkata, pembinaan sistem LRT secara *turnkey* akan dikendalikan oleh empat syarikat konsortium dari Belgium dan sebuah dari Perancis.

Beliau berpendapat, sistem ini lebih sesuai digunakan dalam pengangkutan awam bagi sebuah kota seperti Kuala Lumpur daripada menggunakan sistem pengangkutan yang lebih berat.

"Penggunaan sistem ini juga tidak bermaksud untuk bersaing dengan syarikat-syarikat pengangkutan, malah pengangkutan bas perlu dijadikan sebagai pembantu dalam pengangkutan awam," tegasnya.

Mengenai kewangan, Datuk Shahrir gembira kerana menerima tawaran yang agak menarik dari kerajaan Belgium mengenai kemudahan pinjaman untuk membiayai projek ini.

"Tawaran dari para kontraktor dan pihak konsortium juga adalah amat menarik," tambahnya.

■ Datuk Shahrir Samad

Rungkup: Rafidah gesa wanita keluar mengundi

BAGAN DATUH, Sabtu — Pengundi wanita di kawasan Dewan Undangan Negeri Rungkup digesa keluar mengundi di hari pembuangan undi pilihanraya kecil kawasan itu pada 3 Disember kelak.

Ketua Wanita Umno Perak, Datin Paduka Rafidah Aziz menasihatkan, para pengundi wanita supaya jangan mengambil sikap acuh tak acuh terhadap pembuangan undi.

Katanya, lebih 5,700 dari sejumlah 11,341 pengundi Melayu di Rungkup adlah wanita dan ini bermakna wanita mempunyai suara lebih dari lelaki.

"Wanita mempunyai kuasa besar di Rungkup. Kalau semuanya keluar, Barisan Nasional (BN) sudah terjamin kemenangannya," tambahnya.

Datin Paduka Rafidah yang juga Menteri Perusahaan Awam berkata demikian di Kampung Sungai Pergam dekat sini.

Beliau juga menyeru, para pengundi di Rungkup supaya mengundi BN untuk membolehkan kepentingan mereka diperjuangkan dengan lebih berkesan.

"Pilihlah BN untuk membolehkan diteruskan usaha-usaha Kerajaan mendatangkan pembangunan di kawasan Rungkup," tegasnya.

Beliau juga mengingatkan para pengundi, jangan terpedaya dengan dakyah-dakyah parti pembangkang yang ingin mengelirukan rakyat. Daam pilihanraya kecil ini BN ditentang satu lawan satu oleh Pas

Calon BN ialah Encik Mohamed Jamrah, 37, manakala calon Pas ialah Haji Ibrahim Hasan, 63.

"Jangan dengar hujah-hujah orang yang ingin mengelirukan rakyat dengan memburukkan serta memperkecilkan usaha pembangunan Kerajaan. " tambahnya.

Pemuda ikrar menang majoriti lebih besar

BAGAN DATUH, Sabtu — "Kemenangan dengan majoriti lebih besar" — inilah ikrar para pemuda Umno bahagian Bagan Datuh dalam usaha mereka memilih calon Barisan Nasional, Encik Mohamed bin Jamrah, di kempen pilihanraya kecil Dewan Undangan Negeri, Kawasan Rungkup.

Untuk mencapai matlamat ini semua tenaga pemuda Umno sama ada di peringkat Cawangan atau Bahagian telah dikerahkan, kata Ketua Pemuda Umno bahagian Bagan Datuh, Encik Khairi Yahaya.

Sementara itu, Ketua Pergerakan Pemuda Umno Malaysia, Encik Anwar Ibrahim akan merasmikan perhimpunan berzanji Kawasan Parlimen Bagan Datuh di Sekolah Kebangsaan Sungai Betul dekat sini, esok.

Pertandingan berzanji dua hari itu ialah anjuran Pergerakan Pemuda Umno Cawangan Sungai Betul. Majlis penutup dan penyampaian hadiah akan dilakukan oleh Ahli Parlimen Bagan Datuh, Haji Yahya Taria.

Prof. Asmah dilantik Naib Canselor

KUALA LUMPUR, Sabtu — Datuk Prof Hajah Asmah Haji Omar dilantik sebagai Timbalan Naib Canselor Universiti Malaya untuk tempoh tiga tahun mulai 1 Disember depan.

Beliau yang kini Pengarah Pusat Bahasa universiti itu adalah wanita pertama negara ini yang dilantik ke jawatan itu.

Kawasan Balok akan jadi bandar satelit di Pahang

KUANTAN, Sabtu — Balok, kira-kira 15 meter dari bandar Kuantan yang tidak jauh dari Kawasan Perindustrian Gebeng, akan menjadi bandar satelit. Menurut Berita Lembaga Kemajuan Tanah Pahang (LKNP) keluaran terbaru kini LKNP sedang membina 500 buah rumah yang berharga $32,000 seunit di Balok.

Kawasan perumahan yang dibina ini akan menjadi sebuah pusat penempatan pekerja dari perindustrian Gebeng, Pelabuhan Kuantan dan juga dari bandar Kuantan sendiri.

Sementara itu, sebuah pusat perkhidmatan juga akan diadakan di kawasan Balok yang akan mengandungi antara lain 48 kedai, pasar awam, pejabat pos, stesen bas, tempat letak kereta, panggung wayang, sekolah, masjid dan lain-lain kemudahan perkhidmatan.

Menurut berita LKNP, pembangunan pesat dijangka akan berlaku di sekitar Balok apabila Pelabuhan Kuantan dibuka sepenuhnya dan kawasan perindustrian Gebeng akan dipenuhi oleh perusahaan-perusahaan.

PERCUMA! PAKAIAN SUKAN HONDA
dengan setiap Honda C70 atau C90.

C70 dan C90 yang bergaya — motosikal yang paling popular di Malaysia dan di dunia — kini disertai dengan pakaian sukan yang cukup selesa. Pakaian sukan ini corak bergaya, lengan bajunya boleh disingsing dan seluarnya berpita pencerut.

C70 dan C90 bukan saja ekonomi dan boleh dipercayai, tetapi juga menarik, bergaya dan penuh dengan ciri.

Datanglah untuk mengujinya hari ini.

Tawaran sah dari 6 November '83 hingga 30 November '83.



HONDA
Pengedar tunggal
BOON SIEW SDN. BHD.
Malaysia • Singapura • Brunei
Di Malaysia. Di Dunia.